



PESERTA dan warga kampung bersama tetamu kehormat pada majlis perasmian Heart to Heart 2018.

Khidmat mahasiswa UMS

► Semai nilai kemasyarakatan, keprihatinan diri

UB 14-12-2018 A9

Oleh HENRY BATING

MAHASISWA Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendekati murid-murid tadika dalam rangka memperkasa masa hadapan kanak-kanak mendepani perkembangan usia dalam kehidupan mencabar dewasa ini.

Demi melaksanakan matlamat itu, 43 pelajar yang mengambil kursus Interaksi Institut dan Masyarakat (Interim) Seksyen 2 mengadakan khidmat masyarakat di Tadika Wadi Al Kauthar Kg Bandulan Sepanggar, Kota Kinabalu.

“Program ini amat baik dilaksanakan kerana



HADIRIN memperlihatkan simbol hati seperti dalam tema program Heart to Heart.

memberi manfaat kepada kanak-kanak tadika, ibu bapa dan penduduk,” kata Pemimpin Pembangunan Masyarakat Karambunai

Ustaz Zulkiflie Abu Bakar ketika merasmikan program berkenaan.

Beliau rasa berbesar hati kerana mahasiswa

UMS memilih lokasi Kg Bandulan sambil menyifatkan usaha murni itu mampu memberi impak yang tinggi kepada semua pihak terutamanya penduduk kampung.

Beliau berharap program seumpama itu dapat diteruskan dari semasa ke semasa dengan penerimaan baik setiap lapisan masyarakat kerana program itu merupakan satu usaha murni dalam mendekati pelajar dengan kehidupan masyarakat.

“Program ini juga mendedahkan pelajar kepada masyarakat di luar lingkungan kampus,” katanya.

Program sehari yang bermula seawal

jam 8 pagi itu diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk bimbingan kesihatan oleh Dr Tracy Wanda dari Jabatan Kesihatan Kota Kinabalu.

Program lain yang dilaksanakan ialah mewarna bendera Malaysia dan Sabah, ‘Apple Tree Letter Matching Activity (alphabet), Catch Me Game (number)’ dan ‘DIY Bookmark’.

Program petang diteruskan dengan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan sekitar tadika, menghias semula pelbagai sudut seperti sudut matematik, bahasa, jawi, bentuk serta pendidikan dan sains di tadika itu.

Turut dilaksanakan ialah gotong-royong membersihkan tadika di Kg Bandulan A serta menyediakan satu sudut bacaan yang dilengkapi dengan rak buku dan bahan rujukan demi memupuk budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak tadika berkenaan.

Demi melengkapkan khidmat itu,



GOTONG royong membersihkan kawasan tadika.

rombongan pelajar turut menyampaikan tiga set meja pelajar, 15 kerusi, dua kabinet dan papan tulis hasil sumbangan beberapa syarikat dan individu.

Sementara itu, Nurul Izyan berkata, program berkenaan merupakan usaha mahasiswa UMS mendekati diri kepada masyarakat luar khususnya di kampung melalui aktiviti berkonsepkan pendidikan, kesihatan dan informasi.

Menurutnya, sepanjang program itu semua peserta dapat memupuk nilai kerjasama dalam kalangan mereka selain mengeratkan silaturahim dan menyemai nilai prihatin terhadap masyarakat di kampung.

“Program ini juga dapat memupuk nilai kemahiran insaniah selaku mahasiswa yang tidak hanya memberi tumpuan kepada akademik tetapi juga kemasyarakatan,” jelasnya.


Sementara itu, Nelson berharap program berkenaan dapat membuka minda mahasiswa UMS yang terdiri dari pelbagai latar belakang seiring matlamat membangun setiap lapisan masyarakat.

“Program ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah sekali gus memupuk nilai prihatin menerusi program-program kemasyarakatan,” katanya.

Pelaksanaan program itu turut mendapat kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UMS yang dinaungi Dr Hasnol Noordin.



PEMBERIAN cenderamata kepada Zulfiklee.



AKTIVITI mewarna oleh kanak-kanak.



DEMO penjagaan kesihatan diri disampaikan Dr Tracy.